



PERSATUAN RADIO AMATUR NEGERI PAHANG (1217-05-11)

No.21, Lrg BDK 1/8, Bandar Damansara Kuantan, 26100 Kuantan, Pahang Darul Makmur

eMail : setiausaha@peramah.org.my www.PERAMAH.org.my

Kepada
Dato/Datin/Tuan/Puan
Ahli-ahli Persatuan Radio Amatir Negeri Pahang

Tarikh : 21 Februari 2019
Ruj. Kami : P/SU/AGM14
Rujukan Tuan :

PERKARA : NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN RADIO AMATUR NEGERI PAHANG KALI KE EMPAT BELAS.

Adalah saya dengan segala hormatnya memaklumkan bahawa Dato/Datin/Tuan/Puan dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Radio Amatir Negeri Pahang bagi menunaikan tanggungjawab sebagai ahli persatuan menurut peraturan Fasal 8 dan 9 Perlembagaan Persatuan pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : Sabtu, 23 Mac 2019
Tempat : Dewan Wawasan 2, Wisma Belia Indera Mahkota, 25200 Kuantan
Masa : 2.00 Petang

2. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut :

- 2.1. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke Tiga Belas.
- 2.2. Pembentangan Laporan Aktiviti Persatuan bagi tahun 2018
- 2.3. Pembentangan Penyata Kewangan Persatuan bagi tahun 2018
- 2.4. Membahaskan Usul-usul dari ahli-ahli persatuan.

3. Ahli yang mempunyai usul dan ingin dibahaskan didalam mesyuarat perlu menyampaikan usul tersebut dalam bentuk email kepada Setiausaha iaitu 9w2pta@gmail.com sebelum atau pada **15 Mac 2019** dan pembawa usul mesti hadir dalam mesyuarat bagi usulnya dibahaskan.

4. Ahli-ahli yang belum menjelaskan yuran tahunan bagi tahun 2019 dan yuran tertunggak boleh menjelaskanya sebelum mesyuarat bermula.

Sekian, Terima Kasih

Saya yang menjalankan tugas.

REDZUAN BIN ABU SEMAN
SETIAUSAHA
PERSATUAN RADIO AMATUR NEGERI PAHANG

SK : FAIL PERTUBUHAN